

OLEH NAZLI IBRAHIM

PETALING JAYA - Kedudukan kewangan negara yang semakin lemah ketika ekonomi serantau terus berkembang, sekali lagi mempersoalkan kemampuan sebenar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menguruskan ekonomi.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli, berkata kaedah pemotongan subsidi dan kenaikan harga minyak merupakan jalan pintas Najib yang sebenarnya tidak menyelesaikan masalah pokok ekonomi negara yang pudar.

"Kesan memotong subsidi rakyat dengan menaikkan harga petrol kepada ekonomi negara tidak seberapa, berbanding perbelanjaan lain, termasuk subsidi korporat yang lebih besar nilainya," tegas Rafizi.

# Kemampuan Najib urus ekonomi makin diragui

"Fakta ekonomi membuktikan bahawa tindakan menaikkan harga minyak tidak akan menyelesaikan masalah ekonomi negara," jelasnya lagi.

Menurut beliau, kelemahan Najib itu ditonjolkan Laporan Fitch yang menurun taraf kedudukan Malaysia buat pertama kalinya ekoran kadar keberhutangan negara yang bernaah.

Laporan Fitch merupakan laporan yang menunjukkan kekuatan ekonomi dan kewangan sesebuah negara.

"Matawang tinggi telah hilang nilainya dan susut secara

mendadak dalam tempoh sebulan yang lepas. Pertumbuhan ekonomi tidak mencapai sasaran sejak 15 tahun berturut-turut," kata Rafizi.

Menurut Rafizi, Najib sepatutnya menumpukan pelan ekonomi menyeluruh bagi menangani masalah hutang akibat dari perbelanjaan boros Kerajaan Pusat selama 15 tahun berturut-turut.

Rafizi mengulangi gesaan ramai pihak kepada Najib untuk mengambil serius daya saing ekonomi negara yang malap akibat rasuah, penyelewengan, tiada nilai tambah dan kurang daya kreativiti.



Orang ramai menyerbu ke stesyen minyak sebaik sahaja mendapat tahu harga minyak naik